

09/12/1999

Kata putus Kabinet baru di tangan PM

SEBAGAIMANA biasa, selepas berakhir pilihan raya umum, rakyat tertunggu-tunggu pengumuman barisan Kabinet baru. Barisan Nasional (BN) sudah diberi mandat oleh rakyat untuk mentadbir negara sekali lagi dan pembentukan Kabinet boleh dibuat pada bila-bila masa. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak menghadapi sebarang desakan supaya menyegerakan pengumumannya. Beliau boleh melakukan pada bila-bila masa selepas mendapatkan pandangan pelbagai pihak yang berkenaan. Sudah tentu Dr Mahathir perlu mendengar maklum balas daripada pemimpin parti komponen BN bagi membolehkan beliau membuat keputusan terbaik. Setakat ini, dipercayai semua pemimpin parti dalam BN sudah menemui Dr Mahathir. Terpujanglah kepada Dr Mahathir membuat keputusan.

Lazimnya, keputusan membentuk Kabinet baru tidak mengambil masa terlalu panjang untuk membolehkan jentera kerajaan digerakkan semula. Selagi Kabinet tidak dibentuk, sukar bagi kerajaan membuat penilaian atau keputusan yang memerlukan keputusan Kabinet.

Selepas segala urusan pembentukan kerajaan negeri selesai, tumpuan khusus diberikan kepada pembentukan Kabinet baru kerajaan. Walaupun masih ada jawatan menteri besar yang belum diisi, ia hanya membabitkan masalah prosedur. Selepas beberapa menteri besar dan anggota Exco mengangkat sumpah, semua jentera pentadbiran peringkat negeri dapat digerakkan.

Apapun, Dr Mahathir perlu diberi masa secukupnya untuk membuat keputusan bagi memastikan mereka yang dilantik dalam Kabinet benar-benar dapat memenuhi hasrat kerajaan dan rakyat. Ia bukan sekadar mengisi kuota parti atau negeri. Buat masa ini banyak kekosongan yang perlu diisi berikutan kekalahan beberapa menteri dan timbalan menteri dalam pilihan raya lalu. Begitu juga kedudukan beberapa menteri yang tidak bertanding. Jika ada timbalan menteri yang dinaikkan pangkat kepada menteri penuh, jawatan timbalan menteri pula perlu diisi. Ini tidak termasuk kedudukan menteri besar yang dipindahkan dari kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) ke kerusi Parlimen. Walaupun ia bukan kemestian bagi mereka menjawab sebarang jawatan dalam kerajaan, namun kedudukan mereka tetap menjadi perhitungan Dr Mahathir.

Dr Mahathir juga tentu mengambil kira kedudukan menteri sedia ada sama ada perlu dikekalkan atau digugurkan. Jika dikekalkan, mereka mungkin diberi portfolio baru untuk menambah pengalaman. Setakat ini menteri berkenaan juga masih tidak mengetahui kedudukan mereka. Ia hanya terjawab apabila Dr Mahathir menyerahkan senarai barisan Kabinet kepada Yang di-Pertuan Agong dan mengumumkan nama mereka.

Dalam pada itu, pastinya ada permintaan daripada parti komponen BN yang menyatakan kewajaran agar parti mereka diberi kedudukan lebih baik dalam Kabinet selepas mengambil kira prestasi cemerlang dalam pilihan raya lalu. Mereka bukan saja meminta komposisi jawatan menteri lebih kanan, tetapi juga mengharapkan bilangan anggota menteri yang mewakili parti mereka ditambah. Ini adalah perkara biasa kerana sebagai pemimpin parti komponen BN, mereka perlu menunjukkan kepada parti yang diwakili, mereka memperjuangkan hak parti masing-masing.

Bagi negeri yang mendapat kemenangan menggalakkan pula, mereka juga membuat tuntutan yang sama. Sabah umpamanya meminta lebih daripada dua menteri dalam Kabinet baru. Bagi Perdana Menteri pula, beliau bukan sekadar perlu memberi pertimbangan kepada negeri yang menang saja. Beliau juga perlu mengambil kira kedudukan di negeri yang tewas seperti Kelantan

dan Terengganu. Apakah kedua-dua negeri itu tidak perlu diwakili dalam Kabinet?

Jika dirasakan perlu, siapa yang akan dilantik? Mungkin juga berlaku tokoh tertentu terpaksa dilantik sebagai senator untuk memberi peluang duduk dalam Kabinet disebabkan tidak ada wakil yang dipilih rakyat dalam pilihan raya lalu. Terengganu tidak ada seorang pun wakil rakyat BN yang memenangi kerusi Parlimen. Adalah dirasakan setiap pihak berhak membuat permintaan tetapi Dr Mahathir lah yang membuat keputusan muktamad. Selepas keputusan dibuat, diharap semua pihak menerimanya dengan hati terbuka. Jawatan menteri adalah amanah yang perlu dipikul bagi memenuhi hasrat rakyat. Ia bukan untuk mereka yang hanya mahu mencari kedudukan.

(END)